

Dua jam kutip 200 kilogram sampah

KEBIMBANGAN terhadap isu pencemaran laut mendorong seramai 35 pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) membersihkan Pantai Tanjung Lompat di Desaru, Johor baru-baru ini.

Program *Protect Our Marine* anjuran Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK) bersama Trash Hero Desaru dan Majlis Perbandaran Pengerang (MPP) itu membuahkan hasil apabila kira-kira 200 kilogram sampah berjaya dikutip dalam tempoh dua jam.

Antara sisa buangan itu ialah plastik, botol kaca, pembungkus makanan dan lain-lain lagi.

Pengarah program, Sofiya Shukri berkata, inisiatif itu selaras untuk memupuk kesedaran ramai terhadap kewajipan menjaga



Langkah ini selaras untuk memelihara dan memulihara alam sekitar bagi manfaat generasi akan datang.”

SOFIYA SHUKRI

alam sekitar di samping mengekalkan kebersihan pantai.

Aktiviti berkenaan katanya, dapat mendedahkan penduduk setempat termasuk pelancong dengan isu-isu

pencemaran laut.

“Selain pembersihan pantai, pelajar turut memasang beberapa papan tanda peringatan dan menanam sebanyak 20 pokok ketapang di sekitar pantai.

“Langkah ini selaras untuk memelihara dan memulihara alam sekitar bagi manfaat generasi akan datang,” katanya.

Sementara itu, pengajar Kursus Khidmat Masyarakat, Khadijah Maulad Bahrol berkata, program itu mampu mencapai objektifnya dalam mendidik golongan sasar menerusi pemberian risalah oleh pelajar.

“Apa yang mustahak setiap individu perlu belajar menghargai laut dan pantai bagi memastikan khazanah alam kita ini tidak terus tercemar,” katanya.

